

Jadikan Terengganu maju

Oleh MARZUKIYUSOFF
(WARTAWAN UTUSAN)

RAKYAT Terengganu seperti mendapat suntikan semangat apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletakkan keyakinannya bahawa negeri ini bakal muncul sebagai negeri termaju di Pantai Timur.

Keyakinan Perdana Menteri itu berasaskan kepada usaha Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk membangunkan negeri-negeri yang masih ketinggalan di bawah pembangunan wilayah.

Perdana Menteri pasti mempunyai perkiraan sendiri apabila meluahkan sendiri keyakinannya ketika berucap melancarkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2006 di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Jika ada pun keraguan mana-mana pihak terhadap kemampuan Terengganu menandingi dua negeri jirannya iaitu Kelantan dan Pahang, ia mungkin bersandarkan kepada perbandingan ibu negeri bagi ketiga-tiga negeri tersebut iaitu Kota Bharu, Kuantan dan Kuala Terengganu.

Jika ukuran masa kini diambil kira, ibu negeri Pahang dan Kelantan kelihatan lebih menonjol terutama dari segi kerancakan aktiviti ekonomi, jumlah premis perniagaan, kewujudan hotel-hotel berbintang, pasar raya mega atau hospital swasta.

Bandar Kota Bharu sibuk kerana disokong oleh kedudukannya yang boleh dikatakan berhampiran dengan bandar-bandar lain termasuk Pasir Mas, Tumpat, Pasir Panjang dan pekan-pekan di sempadahan Thailand, selain jumlah penduduk padat.


Kuantan pula mendapat faedah kerana berada di kedudukan yang mana orang Terengganu berulang-alik ke negeri mereka selain disokong oleh kecenderungan penduduk Kemaman ke sana untuk pelbagai urusan terutama membeli-belah.

"Terengganu ini jauh... begitu jauh." Itulah kesimpulan awal Pengarah Pembangunan Negeri, Mohammed Ismail apabila ditanya mengenai halangan utama kenapa syarikat besar swasta dan pelabur luar keberatan melabur di negeri ini.

Menurut Mohammed, persepsi awal masyarakat luar terutama pihak swasta, yang mengaitkan kedudukan Terengganu 'terlalu jauh' sebenarnya banyak mempengaruhi tahap pembangunan di Terengganu.

Sebagai langkah permulaan ke arah menjayakan matlamat negeri termaju di Pantai Timur seperti harapan Perdana Menteri, kata beliau, halangan dari segi persepsi seumpama itu perlu ditangani segera.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan adalah memendekkan tempoh perjalanan darat yang menghubungkan Kuala Terengganu de-



GAMBARAN artis mengenai kehebatan lapangan terbang yang kini dalam pembinaan di Gong Badak, Kuala Terengganu.

Antara perkara perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan adalah memendekkan tempoh perjalanan darat yang menghubungkan Kuala Terengganu dengan bandar besar lain

MOHAMMED ISMAIL
Pengarah
Pembangunan
Negeri

ngan bandar besar lain di selatan, timur, barat dan utara.

Walaupun Terengganu dari Kelantan dihubungkan dengan Perak, Pulau Pinang dan Kedah menerusi Lebuhraya Timur Barat (LTB) tetapi perhubungan itu hanya 'aktif pada waktu siang.

Gangguan

Ini kerana pihak berkuasa sehingga kini tidak menggalakkan kenderaan kecil menggunakan LTB pada sebelah malam kerana pelbagai gangguan dan faktor keselamatan seperti gajah, kekurangan tempat rehat sempurna dan kekurangan lam-pujalan.

Begitu juga dengan kewujudan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dan Lebuhraya Kuala Berang (Hulu Terengganu) - Simpang Pulai (Perak) yang siap, ekonomi Terengganu disokong oleh tiga lebuhraya.

Oleh kerana itu, kata beliau, Terengganu amat memerlukan sokongan yang kuat dari segi pembangunan infrastruktur laluan darat termasuk membesar atau melebarkan jalan-jalan Persekutuan yang menghubungkan bandar-bandar utamanya.

Beliau memberi contoh bagaimana penduduk Kuala Terengganu sendiri merasakan betapa jauhnya bandar Chukai (165 kilometer) di daerah Kemaman, bandar Dungun (85km) dan Jertih di Besut (105-km) dan begitulah sebaliknya anggapan penduduk dari ketiga-tiga bandar tersebut.

"Persepsi jauh itu bukan saja membabitkan pandangan orang luar tetapi rakyat Terengganu sendiri sehingga penduduk Kemaman pergi ke Kuantan, manakala orang Besut ke Kota Bharu untuk membeli-belah," katanya.

Bersandarkan kepada faktor-faktor itu, Barisan Nasional (BN) negeri pada memorandum pilihan raya umum tahun 2004, bersungguh-sungguh mahu mendapatkan projek LPT.

Selain projek LPT yang sedang digerakkan, kata Mohammed, lebuhraya yang menghubungkan Kuala Berang ke Simpang Pulai di Perak, telah hampir siap, manakala, banyak jalan Persekutuan menghubungkan antara bandar-bandar di Terengganu sedang dilebarkan.

"Jika projek LPT fasa kedua dan lebuhraya Kuala Berang - Simpang Pulai siap, kerajaan negeri dapat beransur-ansur me-

ngikis tanggapan bahawa Terengganu itu terlalu jauh," katanya.

Di bawah usaha menghilangkan persepsi 'jauh' itu, jelas beliau, kerajaan negeri di bawah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dengan sokongan Kerajaan Pusat, telah menggerakkan projek-projek mega di Pulau Wan Man dan Pulau Duyung - kedua-dua pulau itu terletak di pinggir bandar Kuala Terengganu.

Pulau Wan Man akan dibangunkan dengan Taman Tamadun Islam pertama di dunia yang dilengkapi dengan Masjid Kristal dan puluhan monumen keagungan Islam.

Pulau Duyung dibangunkan sebagai pusat aktiviti berasaskan sukan air dan industri pembuatan bot dan kapal tradisional.

Di bandar Kuala Terengganu, beberapa kompleks perniagaan besar seperti Kompleks Paya Bunga dan Kompleks Paya Keladi hampir disiapkan, manakala, beberapa pasar raya besar hanya menunggu masa untuk bertapak di ibu negeri ini.

Pembangunan

Di Kerteh, Kemaman, kerajaan negeri pada tahun lalu meluluskan projek pembangunan bandar baru Rantau Petronas yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bandar moden termasuk pasar raya besar bagi mengurangkan kecenderungan penduduk daerah itu ke Kuantan.

"Projek Taman Tamadun Islam, Masjid Hadhari dan penganjuran pelbagai kejohanan antarabangsa seperti Piala Monson adalah strategi bijak Menteri Besar untuk menarik pelabur dari orang luar ke Terengganu.

"Kehadiran Universiti Darul Iman akan turut menarik banyak ibu bapa pelajar dari luar untuk kerap mengunjungi Terengganu dan sekali gus mengikis persepsi bahawa Terengganu itu jauh," tambahnya.

Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Datuk Zakaria Awang berpendapat semua halangan besar ke arah menjadikan Terengganu negeri paling maju di Pantai Timur akan dapat diatasi dengan sokongan kuat daripada Perdana Menteri sendiri.

Beliau juga bersetuju bahawa selain faktor sokongan infrastruktur jalan yang lebih baik, pembangunan Terengganu perlu disokong oleh pertumbuhan banyak pusat pertumbuhan baru seperti projek perbandaran baru yang sedang dibangunkan oleh Petronas di Kerteh.

Bagi mempercepatkan Terengganu mencapai negeri maju, kerajaan negeri sejak dua tahun lalu memberi perhatian terlalu besar kepada bidang pendidikan iaitu melahirkan seberapa ramai penduduk berkelulusan tinggi dan berkemahiran dalam pelbagai bidang.